

## **Asas Pertumbuhan Ekonomi Malaysia Masa Hadapan**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Banyak kajian menunjukkan bahawa pertumbuhan sektor berintensif buruh tidak mahir, terutama di dalam sektor pertanian dan pembuatan, menyumbang kepada penurunan kadar kemiskinan di kebanyakan negara, termasuk Malaysia. Pembukaan tanah baru melihat pertumbuhan sektor perladangan tumbuh dengan pesat terutama semasa dua dekad selepas kemerdekaan. Sektor pekebun kecil juga turut tumbuh dengan pesat pada masa itu. Kadar kemiskinan terutama di kalangan penduduk luar bandar berjaya diturunkan dengan signifikan.

Sektor pembuatan pula mula tumbuh dengan pesat mulai dekad 1980an melalui kehadiran pelaburan asing terus. Perkembangan ini menyaksikan kepesatan pertumbuhan peluang pekerjaan terutama di kalangan buruh tidak mahir. Kehadiran pelaburan asing terus terutamanya dipelopori oleh syarikat multinasional melalui usaha penempatan semula kilang-kilang mereka dari negara asal yang mempunyai kos buruh yang lebih mahal.

Oleh itu, kebanyakan kilang-kilang multinasional tersebut lebih menumpukan kepada pengeluaran barangan yang mempunyai kandungan tempatan yang sedikit. Ini terutamanya barang-barang elektrik dan elektronik umpamanya dari Jepun. Kaedah pelaburan sebegini terus tumbuh melalui konsep rantai nilai global. Input barangan separa siap diimport dari merata negara mengambil kesempatan dari kos pengeluaran terendah di setiap peringkat pengeluaran.

Pertumbuhan sektor pembuatan melalui kaedah tersebut berjaya meletakkan Malaysia sebagai salah sebuah negara pengeksport terpenting di dunia. Manakala, pemindahan teknologi turut berlaku ke dalam negara. Ini turut membuka peluang pekerjaan di

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

peringkat yang memerlukan kemahiran yang lebih tinggi, seperti jurutera, juruteknik dan seumpamanya.

Menuju ke hadapan, kini beberapa isu penting perlu ditangani walaupun model ini telah berjaya menjana pertumbuhan ekonomi dengan pesat sehingga kini. Beberapa persoalan asas perlu diselesaikan untuk membawa pertumbuhan ekonomi di masa akan datang. Persoalan ini perlu di rungkai sebagai salah satu prasyarat penggubalan Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Pada asasnya, untuk mendapat pertumbuhan ekonomi yang maksimum sumber domestik perlu dieksploitasi sepenuhnya. Sumber domestik ini termasuk semua input-input pengeluaran dan sumber manusia. Sudah tentu agak mustahil, juga tidak bijak, untuk menggunakan sumber domestik sepenuhnya di dalam proses pengeluaran. Kuncinya adalah penggunaan sumber domestik semaksimum mungkin.

Jika diteliti kepada asas pertumbuhan ekonomi tersebut, kini terdapat tiga isu utama yang perlu ditangani. Pertama, pergantungan yang tinggi kepada buruh tidak mahir. Kedua, penggunaan kandungan domestik yang rendah di dalam proses pengeluaran. Ketiga, penguasaan teknologi tinggi yang masih terhad. Ketiga-tiga isu ini secara langsung atau tidak langsung adalah berkait antara satu sama lain. Justeru, isu-isu tersebut perlu ditangani secara komprehensif.

Pembangunan teknologi untuk pengeluaran domestik tumbuh dengan agak perlahan atau statik sama ada di kalangan pengeluar tempatan atau pengeluar asing yang berpangkalan di Malaysia. Proses pengeluaran yang berintensif buruh tidak mahir masih mampu diteruskan. Faktor utama yang menyumbangkan kepada situasi ini adalah melalui kehadiran buruh asing tidak mahir. Justeru, tiada keperluan untuk pengeluar meningkatkan teknologi pengeluaran mereka. Kesan seterusnya, kadar upah di dalam negara juga tumbuh dengan perlahan.

Keadaan ini memberi implikasi yang besar terhadap tenaga kerja domestik. Dari sudut penawaran, tiada keperluan untuk institusi pendidikan dan latihan mengeluarkan pekerja mahir selari dengan kekurangan permintaan di kalangan industri. Manakala, pekerja mahir yang ada tidak mempunyai tempat di dalam ekonomi. Isu permintaan

dan penawaran pekerja mahir ini saling berkait antara satu sama lain. Untuk jangka panjang, keadaan ini akan menjadi semakin buruk jika tidak ditangani.

Oleh yang demikian, isu pergantungan kepada buruh asing tidak mahir ini perlu di tangani secara objektif dan pragmatik. Pertimbangan antara pertumbuhan ekonomi semasa dan jangka panjang perlu diselesaikan dengan bijaksana.

pertumbuhan sektor berintensif buruh tidak mahir yang banyak menyumbangkan kepada penurunan kadar kemiskinan di peringkat awal pembangunan ekonomi Malaysia telah sampai ke penghujung. Malah, sebenarnya ianya menyumbangkan kepada penurunan kemiskinan untuk buruh asing. Sebaliknya, situasi ini menyumbangkan kepada kemiskinan relatif rakyat Malaysia, terutama golongan B40 kerana pertumbuhan kadar upah yang lembap. Walaupun, kemiskinan mutlak berdasarkan definisi teknikal telah berjaya ditangani.

Berbalik kepada asas pertumbuhan ekonomi yang disebut di atas, sumber semula jadi juga perlu dieksploitasi seoptimum mungkin selain dari sumber manusia. Hasil pertanian merupakan anugerah alam semula jadi, di mana bumi Malaysia mempunyai tanah yang subur dan sesuai untuk pelbagai hasil tanaman. Di kelilingi oleh perairan yang luas, hasil laut juga terdapat dengan banyak.

Ruang untuk pertumbuhan sektor pertanian berdasarkan kepada komoditi mungkin sudah terhad. Maka, wajarlah sektor pembuatan berasaskan pertanian dan perikanan perlu digembleng. Apa yang diperlukan adalah pembangunan teknologi yang bersesuaian. Perancangan bersepadu untuk menangani ketiga-tiga isu tersebut di atas akan menyediakan asas pembangunan ekonomi jangka panjang yang lebih mapan.

Perlu juga di ingat, teknologi pengeluaran kebanyakan sektor pembuatan kini mempunyai keperluan tenaga kerja yang makin berkurangan. Justeru, pembangunan sektor pembuatan asas tani yang menggunakan input domestik dijangka mampu menyumbangkan kepada pertumbuhan peluang pekerjaan, di samping memberi nilai tambah yang tinggi kepada ekonomi.